

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

KELUARAN 4/2024 BIL. 20

Inspirasi



Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali berkonsepkan inspirasi dan eksplorasi untuk santapan pembaca

Keluaran 4/2024 Bil. 20

April 2024

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Ramli bin Mosmin

Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja

Hassan

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

Muhammad Zuhad bin Abdul Aziz

REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris


35900 Tanjung Malim

Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENCIPTA LOGO
Nurmaisara binti Ahmad
 Pejabat Karang Mengarang




Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

قتراجو كبيتارآن قنديدين

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan Jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah dapat berjumpa lagi dengan semua pembaca pada keluaran April, bilangan ke-20 pada tahun baharu ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan



PROFESOR MADYA DR. MOHD IZWAN SHAHRIL

selamat tahun baharu buat seluruh warga UPSI.

Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih yang tulus kepada semua barisan editor dan wartawan atas kesempatan yang diberikan untuk menyumbang hasil penulisan dan bahan bacaan. Tanpa kerja keras dan komitmen mereka, majalah Inspirasi ini tidak dapat diterbitkan.

Kepada rakan pengarang, terima kasih kerana telah menjadi sumber inspirasi bagi saya. Tidak lupa kepada para pembaca setia, tanpa sokongan dan apresiasi kalian, penerbitan kami tidak akan memiliki sebarang makna. Setiap kata yang kami tulis adalah sebagai ungkapan terima kasih kepada kalian yang telah sama-sama membangunkan universiti kita yang tercinta.

Dengan adanya hubungan yang kuat dan kerjasama

yang kukuh sesama warga UPSI, saya yakin bahawa kita akan dapat mencapai hasil yang luar biasa pada masa hadapan. Saya berharap agar hubungan kita terus berkembang dan erat, sehingga kita dapat bersama-sama meraih kejayaan yang lebih besar.

Dalam dunia yang terus berubah dan maju, saya percaya bahawa kita memiliki potensi yang tidak terbatas untuk terus meningkat dan berkembang bersama-sama. Marilah kita terus menjaga semangat kolaborasi, inovasi dan berterusan dalam setiap langkah yang kita ambil.

Akhir kata, mari kita terus bersatu dalam semangat 'demi UPSI', untuk terus mengasah pena kita, melalui penulisan sama ada menyumbang penulisan mahupun bekerjasama dalam penyediaan konten dan terus menyebarkan keindahan kata-kata.





**PROFESOR DATO' DR.
MD AMIN MD TAFF**

Warga UPSI perlu peka dengan perubahan di peringkat dunia dan dalam negara untuk kekal bersaing

Assalamualaikum WBT dan Salam Seabad Ibu Kandung Suluh Budiman

Selamat tahun baru buat seluruh warga UPSI baik kakitangan mahupun pelajar. Melangkah ke tahun baharu pastinya cabaran baharu akan kita hadapi dalam aspek pengurusan pentadbiran mahupun juga Pengajaran dan Pembelajaran. Sebagai contoh, jabatan yang berkaitan pengambilan seharusnya melihat pemilihan kakitangan baharu perlu mempunyai kepelbagaian kemahiran. Tidak perlu seperti apa diamalkan oleh kaedah yang dahulu di mana pengambilan

pensyarah mesti dalam *track line* yang sama. Ini memudahkan kemahiran bidang P&P dipelbagaikan di dalam setiap fakulti. Dalam kalangan kakitangan pentadbiran juga proses pemilihan tidak tertumpu hanya kepada kelayakan akademik semata-mata, begitu juga pemilihan pelajar perlu secara holistik. Kaedah ini agar semua warga UPSI menjadi lebih *versatile*.

Setiap pusat tanggungjawab tidak boleh berkonsepkan 'keakuan' semasa melaksanakan program ataupun aktiviti. Jika sebelum ini setiap PTj hanya tertumpu pada hanya satu pusat tanggungjawab semasa melakukan program, kini berubahlah kepada *team*

work dengan PTj lain secara berkolaborasi agar impak yang lebih besar boleh dicapai. Setiap pusat tanggungjawab tidak mengamalkan *In-silo view* dalam melakukan tugas dan tindakan tetapi kepada *ecosystem view*.

Staf perlu peka dengan perubahan dunia mahupun peringkat negara dan perlu bersiap sedia dengan perubahan yang berlaku. Peperangan dan konflik yang berlaku di peringkat dunia pasti akan memberikan kesan kepada negara dan akhirnya juga kepada UPSI seperti kesukaran pelajar luar negara yang bakal menyambung pelajaran di UPSI. Begitu juga apa yang berlaku di peringkat kerajaan Pusat di Putrajaya, seperti perubahan menteri juga memberikan kesan seperti dasar dan sebagainya. Oleh itu persiapan awal perlu dilakukan oleh kakitangan dan juga pelajar.

#DemiUPSI

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Ilmizan Ismail membuktikan bahawa ketekunan, pengorbanan, dan nilai murni dapat membawa seseorang ke puncak kejayaan. Beliau juga berpegang teguh dengan berintegriti, disiplin diri dan moral yang jitu adalah asas kepada kejayaan sesebuah organisasi.

10



Inspirasi Akademia

Seorang ahli akademik, penyair dan sasterawan yang berjaya. Abdul Halim Ali aktif dalam usaha membangun, mengembangkan dan memajukan serta memperkasakan persuratan Melayu di negara ini dan di persada antarabangsa menerusi pelbagai kegiatan.

16



Eksplorasi Muallim

Menguruskan bisnes makanan bukanlah satu perkara yang mudah, lebih-lebih lagi perniagaan warisan keluarga yang diusahakan sejak lebih lima dekad. Saifuzzaman kekalkan pelbagai jenis gado-gado resepi asli keluarga.

24



Warisan Ibu Kandung

Galeri Seni dahulu dikenali sebagai Bilik Senaman pada era SITC, tempat penuntut melakukan riadah seperti senaman, gimnastik dan acara sukan dalaman. Pada malam hujung minggu pula diadakan tayangan wayang gambar sebagai hiburan penuntut SITC.

26



Inspirasi Alumni

Sokongan dan dorongan daripada keluarga membuatkan Nur Khairunnisa Ezani berjaya mencapai apa yang telah diperolehi pada hari ini meskipun banyak onak dan duri yang perlu dilalui.

28



Lain-lain

34

Wira kita

Aktif dalam bidang sukan bermula sejak kecil tidak menghalangnya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi sebagai jaminan masa hadapan. Fatin Nurfateha anggap kejayaan dan pengalaman yang diperolehi melalui sukan memana tidak hanya memberikan kemenangan di atas gelanggang, tetapi juga membentuk karakter dan keyakinan diri beliau.





Inspirasi dari Kalumpang ke Puncak Kejayaan: Kisah Ilmizan Ismail di UPSI



Oleh:
Muhamad Fajrul Solehien
fajrul@upsi.edu.my

PENGENALAN

Ilmizan bin Ismail, seorang tokoh pentadbir di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), merupakan contoh inspirasi yang membuktikan bahawa ketekunan, pengorbanan, dan nilai murni dapat membawa seseorang ke puncak kejayaan. Dari sebuah kampung kecil di Kalumpang hingga mencapai kedudukan sebagai Pengarah di Unit Integriti, perjalanan hidup

beliau penuh dengan cabaran yang ditempuh dengan penuh dedikasi dan kesungguhan. Artikel ini akan menelusuri liku-liku perjalanan hidup Ilmizan yang menjadi sumber inspirasi kepada semua kakitangan UPSI.

AWAL KEHIDUPAN DAN PENDIDIKAN

Dilahirkan pada 25 Jun 1965 di Kuala Lumpur, Ilmizan membesar di sebuah kampung yang damai di Kalumpang. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Kebangsaan Kalumpang, di mana beliau mula menunjukkan minat yang mendalam dalam pelajaran. Beliau kemudiannya meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan

Kuala Kubu Bharu. Semasa di sekolah menengah, En. Ilmizan terkenal sebagai seorang pelajar yang rajin dan berdisiplin, selalu mengutamakan pelajaran walaupun terlibat dalam pelbagai aktiviti kokurikulum. Ketekunan beliau dalam pelajaran membawanya ke Institut Teknologi Mara (ITM), di mana beliau mendalami bidang Kewangan dan Perbankan. Kejayaan beliau di ITM membuka jalan untuk beliau melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi di luar negara.

PENGALAMAN TINGGAL DI AMERIKA SYARIKAT

Beliau menerima tawaran melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat (AS) dalam bidang kewangan dan perbankan. Kursus yang ditawarkan ini amat sesuai dengan pengalaman yang diperoleh beliau semasa bekerja di beberapa bank terkemuka satu masa dahulu termasuk Bank Bumiputera (M) Berhad dan Kwong Yik Bank.

Pengalaman belajar di AS membuka mata Ilmizan terhadap

budaya keterbukaan dan kebebasan bersuara yang berbeza dengan suasana di Malaysia. Di AS, beliau merasai kebebasan dalam menyuarakan idea dan pandangan, serta mengalami sistem pendidikan yang memberi ruang kepada kreativiti dan inovasi. Namun, di sebalik semua kelebihan itu, beliau juga menyedari kekurangan dari segi adab dan tatasusila yang kadangkala diabaikan oleh masyarakat di sana.

Walaupun beliau lebih selesa dengan suasana di AS dan bercita-cita untuk bekerja di sana, tanggungjawab terhadap keluarga sentiasa menjadi keutamaan. Cita-cita beliau untuk menyambung pengajian ke peringkat sarjana di AS terpaksa diletakkan apabila beliau mendapat berita bahawa ayahnya mengalami lumpuh. Mengenangkan beliau sudah lama tidak bersama orang tua, Ilmizan memutuskan untuk pulang ke Malaysia dan menjaga ayahnya.

KEPULANGAN DAN PENGORBANAN

Keputusan untuk pulang ke Malaysia ialah satu pengorbanan besar bagi Ilmizan. Beliau kembali pada tahun 1998 dan memperoleh pekerjaan di Edaran Otomobil Nasional (EON), Glenmarie, Shah Alam. Beliau diberi tugas untuk menaik taraf sistem

integrated sedia ada dalam badan korporat berkenaan. Walaupun tugas ini tidak berkaitan dengan bidang sebenar beliau, namun beliau berjaya mempelopori bidang berkenaan dengan bantuan dan kerjasama yang diperoleh daripada satu syarikat perunding luar negara. Satu perkara yang menarik semasa menerokai perisian Soritech ini ialah, perisian ini juga digunakan oleh NYSE untuk meramal pasaran hadapan *stock and shares* dan juga digunakan oleh Pentagon untuk menjalankan urusan pertahanan AS satu masa dahulu.

PERJALANAN DI UPSI

Apabila kesihatan ayah beliau semakin merosot, Ilmizan mula mencari pekerjaan yang berhampiran dengan kampungnya di Kalumpang untuk memudahkan beliau menjaga ayahnya. Pencarian ini membawa beliau ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pada Julai 1999, Ilmizan memulakan perkhidmatan di UPSI sebagai Penolong Pendaftar di Fakulti Bahasa dan Kesusasteraan serta Fakulti Sains Sosial dan Kesenian. Pada waktu itu, UPSI hanya mempunyai empat buah fakulti.

Di sini, beliau memainkan peranan penting dalam menyusun dan memperkasa struktur organisasi dan

fasiliti fakulti. Dedikasi beliau membantu membangunkan Kompleks Muzik dan bangunan seni merupakan sumbangan besar kepada perkembangan UPSI. Beliau juga berperanan dalam menubuh dan mengembangkan Pusat Antarabangsa di Bangunan IPSI, bersama-sama dengan Pengarah ketika itu, iaitu Profesor Dr. Safiah Osman. Usaha ini adalah langkah awal dalam mempromosikan UPSI ke peringkat antarabangsa.

SUMBANGAN DAN KEPEMIMPINAN

Sebagai Penolong Pendaftar, Ilmizan sering berinteraksi dengan dekan, pensyarah dan staf sokongan, serta menghadapi dan menyelesaikan pelbagai isu berkaitan hubungan interpersonal. Menurut beliau, keberhasilan dalam kerjaya pentadbiran banyak bergantung pada kemampuan untuk berkomunikasi dan berkolaborasi dengan baik. Beliau bernasib baik kerana kebanyakan warga UPSI saling membantu dan bersikap profesional. Pengalaman beliau berkhidmat sebagai Pegawai Khas kepada Naib Canselor UPSI ketiga, Tan Sri Dr. Muhammad Rais bin Abdul Karim, turut memperlihatkan kebolehan Ilmizan dalam menangani tugas yang mencabar. Beliau membantu

Tan Sri Dr. Rais dalam membuat laporan khas, iaitu Laporan Suruhanjaya Diraja Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis Diraja Malaysia kepada Yang di-Pertuan Agong berkenaan tenaga sumber manusia Polis Diraja Malaysia (PDRM). Hasil laporan tersebut membawa kepada penambahbaikan yang signifikan dalam PDRM, termasuk perjawatan anggota polis yang bertambah, kenaikan gaji, penambahbaikan teknologi pejabat, dan fasiliti seperti kuarters dan pendingin hawa pejabat.

SIKAP DAN PENDEKATAN

Sikap proaktif dan inisiatif Ilmizan dalam mengenali

dan berhubung dengan semua warga UPSI menjadi kunci kejayaannya. Beliau percaya bahawa untuk melaksanakan sebarang agenda dengan jayanya, penting untuk memahami dan menghargai sumbangan setiap individu dalam organisasi. Menurut beliau, pengalaman dan kemahiran kumulatif semua warga UPSI menjadi pemudah cara dalam mencapai matlamat bersama.

Ilmizan juga menekankan kepentingan adab dan akhlak dalam setiap lapisan warga UPSI. Beliau sering mengingatkan bahawa integriti, disiplin diri, dan moral yang jitu adalah asas kepada kejayaan sesebuah organisasi. Dalam setiap

interaksi, beliau memastikan bahawa nilai-nilai ini dipegang teguh, menjadikan UPSI sebuah institusi yang dihormati dan berprestij.

PENGHARGAAN DAN HASRAT MASA DEPAN

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di UPSI, Ilmizan berasa amat bersyukur atas sokongan yang diterimanya. Walaupun pada awalnya beliau hanya ditawarkan gaji yang lebih rendah berbanding potensi pendapatan di AS, keputusan untuk menjaga orang tua dan mengabdikan diri kepada negara ternyata adalah keputusan yang tepat. Dengan kerjaya yang cemerlang, rumah idaman, dan kebun tinggalan



keluarga, beliau bersedia untuk bersara pada 25 Jun 2025 dan mengejar redha Allah SWT.

Beliau mengenang perjalanan kariernya dengan penuh kesyukuran, melihat perkembangan UPSI yang jelas jalan ceritanya, tidak mendatar dan tidak tersangkut. Menurut beliau, pembangunan dari segi sumber manusia, prasarana, dan sistem pengurusan di UPSI adalah bukti komitmen semua pihak dalam mencapai kecemerlangan.

Ilmizan berhasrat untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT sebagai tanda syukur atas segala kelebihan

yang telah dikurniakan. Beliau juga berharap agar UPSI terus maju dan setiap warga UPSI sentiasa memegang teguh nilai-nilai murni dalam setiap tindakan mereka. Tiga perkara utama yang beliau tekankan untuk masa depan UPSI adalah disiplin diri, hala tuju yang jelas, dan adab serta akhlak yang tinggi.

PENUTUP BICARA

Kisah Ilmizan Ismail adalah bukti bahawa dengan ketekunan, pengorbanan,

dan sikap yang betul, seseorang boleh mencapai kejayaan yang luar biasa. Beliau adalah inspirasi kepada seluruh warga UPSI, menunjukkan bahawa kejayaan bukan sahaja diukur dari segi material, tetapi juga dari segi nilai dan sumbangan kepada masyarakat. Perjalanan hidup beliau mengingatkan kita bahawa dalam setiap cabaran, terdapat peluang untuk belajar dan berkembang, dan bahawa integriti dan nilai murni adalah asas kepada kejayaan yang sebenar.







A Halim Ali Penyair dan Sasterawan Prolifik



Oleh
Dr. Raja Ahmad Shalaby bin
Raja Hassan
shalaby@upsi.edu.my

Profesor Dr. Abdul Halim bin Ali merupakan seorang ahli akademik yang dilahirkan di Merchang, Marang, Terengganu pada tanggal 27 April 1964. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sarjana Sastera dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Pada tahun 1998 beliau menyambung pengajian di peringkat Diploma Pendidikan di Institut Bahasa, Kuala Lumpur. Selepas itu beliau menyertai perkhidmatan kerajaan sebagai Pengawai Perkhidmatan Siswazah di beberapa buah sekolah menengah di negeri Sarawak, Terengganu dan Pahang.

Bermula bulan Julai 2000, beliau menyertai Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai pensyarah bidang Kesusasteraan Melayu di Fakulti Bahasa. Beliau adalah di antara ahli akademik atau ilmuan dari generasi terawal UPSI yang terlibat aktif dalam pembangunan dan kemajuan universiti. Antaranya beliau terlibat dalam penubuhan Kursi Za'ba yang bertujuan menjadikan UPSI sebagai pusat pembangunan dan pengembangan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu dalam negara dan rantau Asia Tenggara. Kursi Za'ba menjadi penyambung tradisi Pejabat Karang Mengarang, Sultan Ismail Training College (SITC) dalam bidang penulisan dan penerbitan buku-buku ilmiah.

Profesor Emeritus Datuk Dr. Asmah Haji Omar pakar nahu bahasa Melayu dan tokoh terkenal dalam bidang perancangan bahasa terpilih sebagai Penyandang Kursi Za'ba merangkap Pengarah Institut Peradaban Melayu yang pertama.

ANAK KANDUNG SULUH BUDIMAN

Dalam bidang penulisan, beliau menggunakan nama pena sebagai A Halim Ali. Beliau adalah Anak Kandung Suluh Budiman setelah bergraduat dengan Ijazah Doktor Falsafah dalam bidang Kesusasteraan Melayu dari UPSI pada tahun 2000. Dalam tempoh 23 tahun perkhidmatan di UPSI, beliau diamanahkan menjawat pelbagai jawatan pentadbiran di universiti pendidikan terulung ini. Antaranya beliau dilantik sebagai Penyelaras, Program Bahasa dan Kesusasteraan Melayu, Ketua Jabatan Kesusasteraan Melayu, Timbalan Dekan (Pembangunan dan Penyelidikan) di antara tahun 2000 hingga 2005. Beliau juga pernah memegang jawatan sebagai Felo Penyelidik, Institut Peradaban Melayu dan Penyelaras Pusat Perhubungan Alumni UPSI. Kerana ketokohnya beliau diberi kepercayaan lebih besar oleh pihak universiti sebagai Pengarah, Pusat Perhubungan Alumni mulai 2012 hingga 2017. Pada tahun 2019 beliau diamanahkan pula sebagai Pengarah, Pusat Ulul Albab UPSI dan memegang jawatan tersebut sehingga akhir tahun 2022.

Dalam bidang penulisan dan sastera pula, A Halim Ali bersama kawan-kawan telah menubuhkan Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) pada tanggal 23 Januari 2010. Sejak itu, beliau dipilih dan memegang jawatan sebagai presiden BUDIMAN sehingga ke hari ini. Melalui wadah BUDIMAN, beliau berjaya memimpin persatuan sebagai sumber informasi kegiatan ilmu sastera, bahasa, seni, budaya, sejarah dan peradaban Melayu di Malaysia dan antarabangsa. Banyak kegiatan dan aktiviti dianjurkan seperti seminar, persidangan, bengkel dan lawatan sama ada di dalam mahupun luar negara.

Pada tahun 2015, A Halim Ali menubuhkan pula Pertubuhan Rangkaian Ahli Akademik & Professional Anak Terengganu Malaysia (PERAPAT) serta memegang jawatan sebagai presiden hingga kini. Program berimpak tinggi yang dianjurkan oleh PERAPAT ialah menganjurkan International Conference on Development of Education, Environment, Tourism, Economics, Politics, Arts and Heritage (ICDETAH) pada tahun 2015, 2017 dan 2022.

PELBAGAI JAWATAN LUAR

A Halim Ali mendapat pengiktirafan akademik di peringkat nasional dan antarabangsa menerusi lantikan dalam pelbagai jawatan luar. Antaranya beliau pernah dilantik sebagai Pensyarah Pelawat di Faculty of Education, University Fatoni Thailand pada 2018. Beliau juga menjadi Panel Pakar Pembimbing Bengkel Penulisan Kreatif dan Deskriptif anjuran

Pusat Ulul Albab dan Persatuan Penulis Budiman Malaysia pada 2020; Penilai Kenaikan Pangkat Profesor Universiti Malaysia Sabah 2021; Panel Penilai Peringkat Akhir Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2019/2020; Panel Program Bimbingan Penulisan dan Penghayatan Puisi Tradisional DBP-HEPA-IPM UPSI 2021; Ahli Jawatankuasa Pengajian, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dari 2020 hingga 2022 dan Panel Pakar bagi Projek Semakan Semula Glosari Istilah Kesusasteraan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur pada 2021 hingga 2022.

Beliau juga diamanahkan sebagai Pemeriksa Luar Tesis Sarjana dan PhD di universiti-universiti tempatan dan luar negara. Pada 1 September 2021 hingga 31 Disember 2021, beliau dilantik sebagai Profesor Pelawat di Faculty of Cultural Sciences, Universitas Sumatera Utara, Medan Indonesia. Pada 1 Oktober 2021 hingga 30 September 2022 beliau dilantik pula sebagai Profesor Adjung di Pusat Pengajian Siswazah, Akademik Seni dan Warisan Negara, Malaysia (ASWARA).

A Halim Ali juga pernah menjadi Ketua Panel Penasihat Projek Penulis Modul QEI Tahap Pertengahan, Program Persijilan Profesional Ulul Albab UPSI 2022; Pakar Rujuk Bengkel Pemurnian Pelan Strategik Yayasan Negeri Terengganu pada 2022 oleh kerajaan negeri Terengganu; Pakar Rujuk Akademik Bengkel Pemurnian Modul ITQAN INSANI dan Pelan Strategik I-MITS Terengganu 2022; Ahli Lembaga Antarabangsa Pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Melayu

2022 hingga 2025 di Faculty of Education, Fatoni University, Thailand; Lantikan Pakar Bidang Bagi Jawatankuasa Kesepakatan Kenaikan Pangkat Profesor Madya, Universiti Malaysia Kelantan pada 2022 dan Ahli Jawatankuasa Pengajian, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada 2022 hingga 2024.

Dalam bidang perundingan beliau dilantik sebagai pakar dalam menyiapkan Analisis Pantun Melayu Gubahan Loo Mun dari Aspek Nilai dan Adat pada 2023 oleh HAN Culture Centre (M) Sdn. Bhd. Beliau juga perunding bagi Program Wacana Ilmu Perkhidmatan Perhotelan Patuh Syariah di Negeri Terengganu 2022 oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu. Di samping itu perunding dalam Kreatif Penulisan Puisi Orang Besar Jajahan Negeri Perak pada 2022 oleh Orang Besar Jajahan Negeri Perak dan perunding Program Rintis Memilih Kampung dan Tokoh Ikon Indahnyanya Hidup Bersyariat pada 2021 oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Negeri Terengganu. Beliau juga dilantik sebagai perunding Wacana Pemugaran Budaya Bersyariat Dalam Kehidupan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Syariah, Pendidikan dan Pengajian Tinggi Negeri Terengganu pada 2022.

SEBAGAI SASTERAWAN

Sebagai seorang sarjana dalam bidang kesusasteraan, A Halim Ali mengemukakan gagasan teorinya sendiri iaitu Estetika

Bersepadu sebagai satu asas untuk memahami erti dan konsep keindahan dalam karya seni khususnya kesusasteraan. Secara teori, Estetika Bersepadu meletakkan Islam sebagai dasar untuk memahami estetika. Beliau menyandarkan idea teorinya pada proses penciptaan manusia pertama (iaitu nabi Adam a.s. sebagai makhluk paling sempurna/indah/lengkap) bagi menjelaskan teks kesusasteraan dengan segala aspek luaran dan dalamnya sebagai teks yang terisi dengan unsur-unsur keindahan serta menzahirkan fungsinya sebagai wadah menyampaikan perutusan kepada pembaca.

Ahli akademik dan sasterawan ini juga penerima anugerah seperti Best Paper Award Fatoni University, Thailand 2022; Anugerah Khas Makalah Terbaik Kategori Malaysia - Persatuan Penulis Budiman Malaysia 2021; Surat Penghargaan Seketeriat Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Bahasa Dunia 2009; Anugerah Buku (Perseorangan) Kerajaan Negeri Terengganu 2022 dan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2019/2020, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2022.

SEBAGAI PENYAIR

Bakat A Halim Ali juga terserlah sebagai seorang penyair yang prolifik dan penulis yang berjaya menempa nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau kerap diundang untuk mendeklamasi puisi dalam majlis-majlis besar di dalam dan luar negara. Beliau menghasilkan lebih daripada 50 buah buku akademik, kumpulan puisi dan antologi puisi. Karya-karya puisinya terkandung dalam antologi dan

kumpulan puisi:

1. Antologi puisi `Awah I` (1996)
2. Antologi puisi `Bunga-bunga Di Taman Desa` (1997)
3. Antologi puisi `Keinsafan` (2000)
4. Kumpulan puisi persendirian `Permintaan Alam` (2000)
5. Kumpulan puisi persendirian `Citra Kehidupan` (2005)
6. Antologi puisi `Meraut Air Limpah` (2007)
7. Antologi puisi `Wahai Api Jadilah Dingin Jadilah Embun` (2009)
8. Antologi puisi `Dalam Redup Wajah Ibu` (2011)
9. Antologi puisi `Pilar-pilar Waiduri` (2012)
10. Antologi puisi `Unggun Kebahagiaan` (2012)
11. Antologi puisi `Simpanlah Dalam Ingatanmu` (2013)
12. Antologi puisi `Api dan Air Mata Rohingya` (2014)
13. Kumpulan puisi persendirian `Melihat ke dalam diri` (2015)
14. Antologi puisi `Ku ibarat lilin` (2016)
15. Antologi puisi `Sumpah Sumandak Dusun Tamparuli` (2018)
16. Proses Kreatif: Model Dan Pengalaman Penyair (2022)
17. Kumpulan puisi persendirian Hamparan terima kasih (2024)

Puisi-puisi A Halim Ali juga banyak tersiar dalam akhbar dan majalah tempatan, dalam buku *Coffee Table* UPSI dan menjadi hiasan di Galeri Muallim, Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI.

AWAL PENUBUHAN UPSI

Penulis berpeluang menemu bual sarjana dari UPSI ini

pada tanggal 25 April 2024 bertempat di Perpustakaan Tuanku Bainun UPSI. Menceritakan pada peringkat awal penubuhan UPSI, A Halim Ali adalah generasi kedua yang diambil untuk menabur bakti di universiti tercinta ini seawal tahun 2000. Pada waktu itu, Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) masih kekal beroperasi walaupun UPSI telah diumumkan penubuhannya pada tahun 1997. Pentadbiran IPSI hanya berakhir pada 1999, ketika itu beroperasi di Bangunan IPSI, juga dikenali sebagai Bangunan KDPK (Kursus Diploma Perguruan Khas) sebelum diserahkan sepenuhnya kepada pihak UPSI. Jawatan pertama yang disandanginya ialah sebagai Setiausaha Penubuhan Kursi Za'ba. Pada masa itu, Dato' Seri Mohd Hilmi Ismail yang menjaga hal ehwal akademik menyuruh A Halim Ali mengumpul dana untuk penubuhan Kursi Za'ba. A Halim Ali berusaha dengan cara mengadakan perjumpaan dengan pembesar-pembesar negeri seperti Ketua Menteri Pulau Pinang dan Menteri Besar Selangor untuk memohon derma.

Era IPSI meliputi tahun 1987 hingga 1997, diisytiharkan sebagai sebuah universiti pada 1 Mei 1997 melalui Warta Kerajaan P.U.(A) 132 & 133, bertarikh 24 Februari 1997, di bawah dua buah Perintah iaitu Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997. Perisytiharan ini dibuat oleh Datuk Sri Mohd Najib Abdul Razak selaku Menteri Pendidikan Malaysia.

Walaupun UPSI ditubuhkan, terdapat dalam kalangan staf yang mahu mengekalkan IPSI sebagai sebuah institusi pendidikan untuk orang Melayu. Ada kalangan pensyarah yang tidak bersetuju dengan kenaikan taraf IPSI sebagai universiti telah dihantar kembali untuk mengajar di sekolah-sekolah seluruh negara. Bagi yang ada kelulusan sarjana, mereka dikekalkan sebagai pensyarah UPSI. Pada peringkat awal penubuhan UPSI hanya ada empat buah fakulti iaitu Fakulti Bahasa, Fakulti Sains Kognitif, Fakulti Sains Sosial dan Kesenian, dan Fakulti Sains dan Matematik.

CABARAN KESUSASTERAAN MELAYU

Menurut A Halim Ali, pelajaran Kesusasteraan Melayu boleh dilihat melalui dua konteks. Yang pertama ialah melalui konteks kesusasteraan dalam pendidikan, dan yang kedua ialah konteks bidang ilmu sastera dan kegiatan. Dalam konteks kesusasteraan dalam pendidikan, ia berkaitan dengan masalah penerimaan mata pelajaran kesusasteraan oleh pelajar sekolah. Misalnya di sekolah menengah, pelajar hanya boleh mengambil mata pelajaran Kesusasteraan sebagai elektif. Ia bukanlah subjek utama dan banyak sekolah tidak menawarkan subjek tersebut. Terdapat trend yang menurun saban tahun menyebabkan kesukaran pelajar membuat pilihan ke atas subjek Kesusasteraan. Ada anggapan bahawa subjek Kesusasteraan oleh pelajar semakin berkurangan kerana isu pelajar tidak suka membaca teks sastera. Sebenarnya pelajar bukan sahaja tidak suka



membaca teks sastra, tetapi juga semua jenis buku bacaan. Menurut A Halim Ali lagi, asbab tersebut hanya mitos sahaja.

Pihak sekolah tidak menawarkan subjek Kesusasteraan, maka ini tidak dapat membantu untuk mendapatkan data jumlah pelajar yang akan mengambil subjek Kesusasteraan di sekolah tersebut. Maka pihak sekolah tidak dapat memberikan data kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk diberikan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan seterusnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Jadi kalau data tidak ada untuk membuka kelas Kesusasteraan, bagaimana hendak menawarkan subjek tersebut. Akar umbi masalah ini sebenarnya melibatkan pihak sekolah dan pelajar. 'Kilang' yang mengeluarkan guru subjek Kesusasteraan seperti UPSI dan IPG tiada masalah untuk terus beroperasi. Oleh kerana pihak sekolah

tidak menawarkan subjek Kesusasteraan, maka pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) pun tidak menawarkan subjek tersebut. Subjek yang ada hanya Bahasa Melayu yang terkandung pelajaran Kesusasteraan di bawahnya. Ini menimbulkan situasi guru bidang sastra terpaksa mengajar bidang Bahasa Melayu. Dengan ini pihak sekolah pula beri alasan ketiadaan guru sastra. Menurut A Halim Ali lagi, rangkaian seperti ini akan terus terjadi dan boleh menjejaskan kedudukan subjek Kesusasteraan dalam sistem pendidikan negara. Rangkaian ini harus diperbetulkan di peringkat pentadbiran sekolah lagi, iaitu dilihat dari segi birokrasi pentadbiran. Dari segi persepsi pelajar pula ia seolah-olah subjek Kesusasteraan ini tidak penting. A Halim Ali dengan sinis mempersoalkan kenapa guru-guru Melayu di sekolah yang murid-muridnya 100% Melayu tidak tahu adanya

subjek Kesusasteraan Melayu. Berbeza dengan sekolah aliran Tamil, pelajar India dapat mempelajari Kesusasteraan Tamil walaupun terpaksa mengajar di luar waktu persekolahan. "Kita yang ada ruang untuk mengajar dalam waktu perdana ini tidak dapat mengajar Kesusasteraan Melayu kerana ketiadaan subjek tersebut ditawarkan di sekolah," jelas A Halim Ali.

Solusinya, mesti ada satu arahan daripada KPM yang mewajibkan pihak sekolah menawarkan subjek Kesusasteraan Melayu, supaya rakyat tahu tentang kesusasteraan Melayu dan nilai-nilai serta tamadun masyarakat Melayu. Secara ringkas, A Halim Ali mencadangkan dua jalan bagaimana hendak memartabatkan bidang kesusasteraan Melayu di persada negara. Pertama, betulkan persepsi pelajar yang tidak sukakan bidang Kesusasteraan Melayu. Kedua, mesti ada kekuatan politik supaya pihak-pihak tertentu tidak boleh sewenang-wenangnya menutup kelas Kesusasteraan Melayu di sekolah.

HARAPAN TERHADAP UPSI

A Halim Ali berharap agar UPSI dapat mengekalkan 'niche' sebagai universiti yang melahirkan guru yang berilmu dan berketerampilan. Bukan hanya sebagai rujukan di dalam bidang perguruan, tetapi juga terkenal sebagai Pusat Sehati Pendidikan Malaysia. Maknanya, kalau ingin mencari apa sahaja maklumat berkaitan pendidikan mesti datang ke UPSI. Universiti tercinta ini juga perlu menonjol dalam bidang Bahasa dan Persuratan Melayu

seperti di era SITC dahulu. Bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak serta Pendidikan Tahfiz dan Turath Islami (IPT-i) perlu diperkasakan sejajar dengan minat rakyat Malaysia, walaupun perkembangan bidang sains dan teknologi begitu pesat. UPSI adalah kilang atau pengeluar produk perguruan yang unggul sekali di Malaysia.

Di samping itu, universiti ini juga merupakan tempat lahirnya para sasterawan, ilmuan dalam perbagai bidang dan tidak ketandusan pemimpin masa depan negara. Nama baik UPSI harus dijaga kerana di sinilah para muallim menyampaikan ilmu yang bermanfaat untuk diwarisi kepada generasi akan datang. Para muallim mestilah ikhlas dengan setulus hati semasa menyampaikan ilmu kepada anak-anak murid. Untuk menjadi ikhlas perlu ada kesedaran dalam diri masing-masing, kerana dengan keikhlasan perkara yang susah

kita tidak akan berasa susah. Kalau kita bekerja hanya untuk mendapat gaji semata-mata, kita tidak akan dapat merasai nikmatnya. Nikmat ini akan dapat bila ada kesedaran. Bagi A Halim Ali, setiap pekerja harus bercerita perkara yang baik-baik berkenaan majikannya. Kalau kita bercakap perkara yang tidak baik, sebenarnya kita mendedahkan perkara yang buruk tentang diri kita sendiri.

Di akhir temu bual ini, A Halim Ali meninggalkan pesanan, "biar kita seronok bila bekerja, dan juga seronok melihat orang lain berjaya. Seronok melihat kawan-kawan kita naik pangkat dan menerima anugerah. Apatah lagi jika kejayaan itu datang daripada inisiatif atau usaha kita. Bekerjalah untuk kebaikan, jangan fikir bila kita pencen kerja kita sudah habis di situ. Universiti ini masih memerlukan buah fikiran kita untuk menyumbang bakti demi kemajuan anak bangsa.

Anggaplah universiti ini bukan sahaja tempat kita bekerja mencari rezeki semata-mata, tetapi juga tempat untuk kita membuat kebaikan dan pahala yang berterusan."

Sebagai penutup dapatlah dibuat rumusan bahawa sosok tubuh yang bernama Abdul Halim bin Ali adalah seorang ahli akademik, penyair dan sasterawan yang berjaya. Beliau bergiat aktif dalam memimpin persatuan kerana memegang jawatan sebagai presiden Persatuan Penulis Budiman Malaysia (BUDIMAN) dan Persatuan Ahli Akademik Anak Terengganu (PERAPAT), di mana beliau adalah pengasasnya. Beliau juga turut menyertai Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) dan Persatuan Sasterawan Melayu Nusantara (NUMERA) Malaysia dan bertanggungjawab memartabatkan bahasa, kesusasteraan dan persuratan Melayu.



AMAN GADO GADO

014 669 3544

7



AS FARUKA ENTERPRISE



Aman Gado-gado: Pelopor Gado-gado di Tanjung Malim



Oleh:
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Gado-gado adalah salah satu makanan istimewa yang berasal dari Indonesia dalam bentuk sayur-sayuran yang direbus dan dicampur bersama, dengan kuah kacang dan dihaluskan dengan telur yang dihiris. Secara umum ada yang menambahkan kentang rebus dan dicampur dengan kuah kacang, kemudian ditaburkan dengan bawang goreng. Sedikit kerepek emping goreng atau keropok (ada juga yang menggunakan keropok udang). Gado-gado boleh dimakan begitu sahaja seperti salad kuah kacang, tetapi juga boleh dimakan dengan nasi putih atau kadang-kadang disajikan dengan lontong.

Mengikut catatan sejarah, Gado-gado bermula pada abad ke-17 saat bala tentera Kesultanan Mataram pimpinan Sultan Agung melakukan penyerbuan di Batavia yang kekurangan bekalan makanan terutama beras lagi-lagi dengan pembakaran jelapang-jelapang beras sekitar Batavia oleh Syarikat Hindia

Timur. Perkara ini mendesak para tentera membuat sambal dari kacang tanah, kemudian disiramkan atas aneka sayuran mentah yang seadanya dijumpai sekitar persawahan. Makanan ini dalam Bahasa Jawa disebut Gado bermaksud makan lauk sahaja tanpa nasi.

Di Tanjung Malim, tradisi makanan Gado-Gado ini diusahakan oleh Saifuzzaman bin Harun pemilik gerai Aman Gado-gado di Anjung Selera berhadapan dengan stesen keretapi Tanjung Malim.

ANAK JATI TANJONG MALIM

Beliau merupakan anak jati Tanjung Malim, berasal dari Kampung Cabang Lima berusia 60 tahun, lahir pada tanggal 3 Mac 1964. Mempunyai seramai 9 orang anak. Mendapat pendidikan rendah dan menengah sehingga tingkatan 5 di SK dan SMK Methodist, Tanjung Malim. Mempunyai kelulusan Diploma General Mechanic di Industrial Training Institute, Kuala Lumpur pada tahun 1982. Selanjutnya, bekerja di kilang gula CSR, Batu Tiga pada tahun 1983 selama 7 bulan sahaja.

Perniagaan makanan Gado-gado ini adalah warisan daripada bapanya, Haji

Harun bin Haji Ta'alim dan ibunya Hajjah Fatimah binti Alang. Saifuzzaman merupakan anak ke-10 daripada 11 orang adik-beradik. Keluarganya mula berniaga menggunakan kereta tolak pada 1968 berhadapan Gerai Abdullah dan bangunan Telekom Tanjung Malim. Makanan jualannya ialah rojak, nasi lemak, bubur kacang dan minuman. Selepas 6 bulan, atas cadangan abangnya, rojak ditukar nama kepada Gado-gado kerana resepi yang mirip dengan makanan Gado-gado di Indonesia.

Perniagaan mendapat sambutan menggalakkan kerana lokasi tempat perniagaan terletak di jalan utama utara-selatan pada masa itu. Operasi perniagaan dari 3:00 petang sehingga 12:00 tengah malam. Saifuzzaman mula membantu keluarga berniaga sejak berumur 4 tahun. Ayahnya merupakan pesara tentera dan semasa memulakan perniagaan, beliau berusia awal 40-an.

RESEPI

Resepi Gado-gado ini adalah resepi keluarga dan sering dimasak di rumah dan nasi lemak pula pada permulaannya dimasak untuk dihantar ke kedai-kedai makan yang



berhampiran. Pada tahun 1977, mereka berpindah ke bangunan kedai 12 pintu berdekatan jalan kereta api dan tapak kedai makanan Abuja sekarang ini.

Mulai 1998- 2022, mereka dipindahkan ke Medan Selera Tanjong Malim berhadapan Balai Polis dan Masjid Jamek Tanjong Malim. Seterusnya, pada tahun 2022 sehingga kini, mereka beroperasi di Anjung Selera Tanjong Malim.

BEKAS ATLET RAGBI NEGARA

Saifuzzaman dengan restu keluarganya mula mengambil alih perniagaan

pada tahun 1988. Hasil daripada cadangan bapanya, mulai 1990 kedai makanan mereka dijenamakan sebagai Aman Gado-Gado.

Beliau juga aktif dalam sukan ragbi sejak berumur 15 tahun mewakili SMK Methodist dan pernah mewakili negeri Perak 1982 sehingga 1991 dan Malaysia pada tahun 1986. Selepas berkahwin, beliau mula mengurangkan penglibatan dalam sukan. Selanjutnya, atas permintaan bapanya beliau terus berhenti dan menumpukan perhatian dalam menguruskan perniagaan. Walaupun semasa masih aktif, terdapat banyak tawaran kerja

dalam sektor swasta tetapi semuanya ditolak kerana minatnya kepada berniaga.

Kini, Aman Gado-Gado gagah beroperasi bersama rakan-rakan peniaga yang lain di Anjung Selera menawarkan pelbagai menu gado-gado seperti gado-gado biasa, gado-gado ayam, gado-gado mi dan gado-gado ayam Mi. Di samping itu, Aman gado-gado juga menyediakan menu-menu lain seperti mi kari, mi rebus dan soto. Beliau masih mengekalkan harga RM6.00 sepinggan gado-gado biasa tetapi masih mampu memberikan kepuasan maksima kepada pelanggan. Ketelitian beliau dalam menyediakan bahan-bahan dalam Gado-gado terutamanya kuahnya dan cara-cara menggoreng dan mengisar kacang dengan campuran gula, garam, gula merah, bawang putih dan bawang merah.

Inilah yang menyebabkan rata-rata pelanggan menggemari menu gado-gado di Aman Gado-Gado. Ramli Abu Bakar, 63 tahun dari Gopeng meminati



gado-gado kerana kuah kacangnya secukup rasa dan sedikit manis serta cucurnya yang sedap dan garing. Manakala, Norazua Sulaiman dari Behrang Ulu yang



merupakan pelanggan setia berpendapat semua menu yang disajikan di Aman Gado-Gado semuanya sedap. Kedai beliau juga pernah disinggahi oleh pelawat dari Indonesia yang dibawa oleh staf UPSI dan menyatakan Gado-gadonya enak dan ada banyak persamaan dengan gado-gado di sana. Terdapat juga pelanggan yang mengetahui lokasi Aman Gado-Gado ini melalui media sosial.

KEDAI PERNAH DIKUNJUNGI PERDANA MENTERI

Mengimbuai kenangan pahit dan manis sepanjang berniaga, beliau mengakui banyak melalui kenangan manis daripada yang pahit kerana jatuh-bangun dalam perniagaan sudah sebatu dengan dirinya sebab jiwanya sudah kental. Walau bagaimanapun, kenangan manis yang beliau tidak boleh dilupakan ialah Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Haji Najib bin Tun Haji Abdul Razak, singgah makan di kedainya pada tahun 2015. Manakala, kenangan pahit ialah tempat berniaga dilanda angin ribut pada tahun yang sama menyebabkan semua barang perniagaan tidak boleh digunakan.

HARAPAN PADA MASA HADAPAN

Beliau berkongsi kejayaan berniaga ialah perlu banyak



bersabar, jujur, hubungan baik dengan masyarakat dan menjaga amal agama.

Beliau amat bersyukur kerana berkat daripada peniagaannya, beliau dapat menyara keluarga. Mengakhiri perbualan, beliau juga menyimpan hasrat dan impian untuk membuka cawangan kedai Aman Gado-Gado yang diuruskan sendiri oleh anak-anaknya. Beliau juga amat berharap kedai beliau terus mendapat sambutan yang hebat daripada para pelanggan.

Gymnasium SITC kini Galeri Seni



Oleh
Dr. Raja Ahmad Shalaby bin
Raja Hassan
shalaby@upsi.edu.my

GALERI SENI ASALNYA BILIK SENAMAN SITC

Di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Kampus Sultan Abdul Jalil Shah terdapat banyak bangunan bersejarah yang masih terpelihara dari segi reka bentuk asalnya sejak era Sultan Idris Training College (SITC) lagi. Salah satu bangunan yang masih kekal dalam bentuk asalnya ialah Galeri Seni. Pada era SITC ia dipanggil Bilik Senaman atau dikenali juga sebagai Gymnasium SITC. Bilik Senaman adalah tempat penuntut SITC melakukan riadah seperti senaman, gimnastik dan acara sukan dalaman. Pada malam hujung minggu turut diadakan tayangan wayang gambar sebagai hiburan di samping merehatkan minda penuntut SITC.

Bilik Senaman ini merupakan salah sebuah bangunan terawal yang dibina iaitu pada bulan Ogos 1919 dan siap untuk digunakan pada tahun 1922. Bangunan dewan ini berkeluasan 160 kaki panjang X 60 kaki lebar. Ketinggian bahagian dalamnya ialah di antara 40 kaki hingga 50 kaki. Jenis atap yang digunakan pada asalnya ialah genting seramik. Pada 2002 keseluruhan strukturnya telah

dibaik pulih, dicat baharu dan ditukar kepada atap jenis *concrete roof tiles*. Atap yang baharu ini berwarna merah dan tidak mudah pudar. Ia nampak mewah, tahan kebakaran dan tidak mudah berlumut. Bentuk atap dikenali sebagai *gambrel roof* iaitu atap kombinasi antara atap pelana dan atap limasan. Di bahagian atas pintu terdapat kekisi untuk pengudaraan yang lebih baik.

Reka bentuk bangunan Bilik Senaman ini menampakkan pengaruh seni bina Gothic, sama seperti bangunan utama SITC yang dikenali sebagai Bangunan Suluh Budiman. Seni bina Gothic juga boleh dilihat pada bangunan sekolah yang sezaman dengan SITC seperti Sekolah Menengah Anderson Ipoh atau Maktab Melayu Kuala Kangsar, Perak. Seni bina Gothic merupakan kesinambungan daripada seni bina Romanesque yang memperlihatkan satu struktur bangunan yang besar, tinggi, megah serta mempunyai ciri-ciri keagamaan. Bingkai tingkap atau pintu pula berbentuk melengkung. Bentuk dan struktur ini biasanya disebut sebagai punggung keledai atau gelembung ikan.

Pada peringkat awal penubuhan SITC, penuntut mempunyai pasukan sukan untuk dipertandingkan seperti pasukan bola sepak, hoki, sepak raga, bulu tangkis dan gimnastik. Pasukan gimnastik

akan menggunakan Bilik Senaman ini untuk berlatih dan juga mengadakan pertandingan. Antara ahli pasukan jimnastik SITC yang terawal ialah:

- Md Taib bin Uda Kumpam (Perak), 1923-1924
- Muhammad bin Hj Jaafar (Perak), 1923-1924
- Musa bin Abdul Rahman (Pahang), 1923-1925
- Md Basir bin Alang (Perak), 1924-1925
- Md Daud bin Taha (NS), 1924-1925

Pada era SITC, Bilik Senaman ini dikelolakan oleh seorang guru kerana ia merupakan aset yang penting dan perlu dijaga serta dikemaskan, sama seperti Surau An-Nur, Khutub Khanah dan Kolam Renang. Sejak tahun 1925, guru yang menjaganya diberi tugas sebagai Pengawas Bilik Senaman. Sehingga tahun 1949 tugas guru disebut sebagai Pengawas Wayang Gambar kerana bilik tersebut digunakan juga untuk tayangan wayang gambar. Pada tahun 1957, Cikgu Ridzuan bin Ali telah menubuhkan Kelab Gimnastik yang diketuai oleh penuntut bernama Bukhari bin Dawi. Sejak itu Cikgu Ridzuan dilantik sebagai penasihat kelab hingga tahun 1959. Nama-nama guru SITC yang ditugaskan sebagai pengawas Bilik Senaman/Gimnastik/Wayang Gambar ialah seperti

berikut:

1. 1925 - Md Hanafiah bin Md Saman, Pengawas Bilik Senaman.
2. 1926 - Abdul Hadi bin Haji Hasan, Pengawas Bilik Senaman.
3. 1927 - Md Zain bin Ahmad, Pengawas Bilik Senaman.
4. 1928 - Md Rais bin Haji Hasan, Pengawas Bilik Senaman.
5. 1929 - Buyong Adil, Pengawas Bilik Senaman. Pen. Pengawas Cikgu Hashim bin Tajuddin
6. 1930 - Buyong Adil, Pengawas Bilik Senaman. Pen. Pengawas Cikgu Hashim bin Tajuddin.
7. 1931-1947, Md Rais Haji Hasan, Pengawas Bilik Senaman.
8. 1948 - Sha'ari bin Haji Hitam, Pengawas Bilik Senaman.
9. 1949 - Omar bin Said, Pengawas Wayang Gambar.
10. 1952-1956, Husain bin Abdul Hamid, Pengawas Senaman dan Sukan.
11. 1957-1959, Ridzuan bin Ali, Pengawas Senaman dan Sukan, Penasihat Kelab Gimnastik.
12. 1961 - Shaari bin Isa, Penasihat Kelab Wayang Gambar.
13. 1962-1964, Wan bin Dus Mohammad, Penasihat Kelab Wayang Gambar.
14. 1965-1968, Abdul Aziz bin Sultan, Penasihat Kelab Wayang Gambar.


Pada zaman darurat, bangunan ini pernah terkena bedilan mortar 30mm oleh pegganas komunis. Peristiwa tersebut berlaku pada 23 Oktober 1951. Bedilan tersebut terkena tiang di bahagian tengah bangunan ini. Peristiwa ini terjadi ketika penuntut SITC sedang menonton tayangan gambar Inggeris pada waktu malam. Ia tidak mendatangkan kemalangan jiwa kerana bedilan itu sebenarnya ditujukan kepada pasukan 'Home Guard' yang berkawal di luar kawasan maktab tetapi tersasar ke Bilik Senaman.

Kini, bangunan tersebut dikenali sebagai Galeri Seni UPSI yang mempamerkan lukisan dan karya-karya seni pelajar UPSI dan penggiat seni tanah air. Bangunan ini ditadbir oleh pihak Muzium Pendidikan Nasional UPSI. Antara program yang dianjurkan oleh MPN di Galeri Seni ialah:

- Sembang Santai Art Talk di Galeri Seni 2018.
- Bicara Tokoh dan Majlis Perasmian Pameran Nostalgia Zaman Persekolahan pada 13 April 2019.
- Night @ The Museum pada 23-24 Ogos 2019.
- Pameran Maya Antarabangsa : Women Art @ Work (WOW) 2020.
- Pameran Seni Visual Hari Guru 2023, "Melakar Malaysia Madani" pada 15 Mei - 16 Jun 2023.
- Pameran Inspirasi Prof.

Emeritus Tan Sri Dr. Awang Had Salleh pada 12 Jun 2024.

Bangunan Bilik Senaman/ Gimnastik/Wayang Gambar/ Galeri Seni ini merupakan salah satu daripada 10 buah bangunan yang dipelihara daripada dirobokkan atau dibuat pengubahsuaian yang boleh menjejaskan reka bentuk asalnya oleh pihak UPSI. Ia merupakan monumen bersejarah yang mesti dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang. Usianya kini menjangkau 102 tahun.





AIM HIGH, DREAM BIG', Nisa Ezani Ambil Cabaran Pikul Amanah



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

PENGENALAN

Anak kelahiran Terengganu, Nur Khairunnisa binti Ezani atau lebih mesra dipanggil Nisa merupakan anak sulung daripada dua beradik. Bapanya merupakan seorang pekerja bebas (*freelance*) dalam bidang Pembangunan Perniagaan (Business Development) manakala ibu pula seorang suri rumah. Meskipun kedua ibu bapanya telah berpisah, namun mereka masih menjalinkan hubungan yang baik antara satu sama lain.

Sepanjang melewati kehidupan selama 24 tahun, saya bersyukur kerana dilahirkan dalam keluarga yang sederhana tapi serba mencukupi dari segi didikan agama, ilmu, adab dan akhlak. Pada saya, sokongan dan dorongan daripada keluarga membuatkan saya berjaya mencapai apa yang telah saya perolehi pada hari ini meskipun banyak onak dan duri yang perlu dilalui. Berkat doa dan restu daripada keluarga, apapun halangan dan cabaran yang ada saya bersyukur dapat melewatinya bersama dengan keluarga. Selagi mereka masih memberikan sokongan dan galakan kepada saya, tiada halangan yang dapat mematahkan semangat dan usaha dalam diri ini.

UPSI PILIHAN TEPAT

Saya menerima pendidikan awal bermula pada usia enam tahun, seterusnya melanjutkan pengajian di sekolah rendah di SK Seri Kemaman, Terengganu. Peringkat menengah pula, saya meneruskan pula pengajian di SMA Al-Falah, Kemaman, Terengganu. Syukur alhamdulillah, selesai menamatkan pengajian di peringkat sekolah menengah, saya menerima tawaran kemasukan ke Kolej Matrikulasi Pahang (KMPH), namun saya telahpun bersetuju untuk menerima tawaran untuk melanjutkan pengajian peringkat diploma di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Saya amat bertuah kerana telah membuat pilihan yang tepat untuk berada di UPSI yang tercinta ini.

Sejujurnya, saya mula mengorak langkah untuk menceburi dunia dalam bidang kepimpinan ini bermulanya pada kali pertama saya menjejakkan kaki ke UPSI, iaitu pada tahun 2018. Sejak itu, saya semakin berminat untuk meluaskan lagi bakat serta kelebihan yang ada dalam diri ini untuk terus berkecimpung dalam dunia kepimpinan. Saya bangga menjadi Anak Kandung Suluh Budiman dan terima kasih UPSI atas segala peluang, ruang dan kepercayaan yang diberikan selama ini.

MOMEN MANIS

Kalau hendak diceritakan pengalaman manis itu terlalu banyak, tetapi antara salah satu

momen indah yang saya paling ingat dan semestinya akan dikenang sampai bila-bila ialah, sewaktu saya mula diberikan amanah dan tanggungjawab untuk mengetuai kepimpinan Majlis Mahasiswa Kolej (MMK) Kediaman Awang Had Salleh (KAHS) pada tahun 2019. Ketika itu, saya masih lagi di peringkat pengajian diploma dan tidak mempunyai banyak pengalaman seperti rakan-rakan yang lain. Namun, saya percaya dan yakin bahawa setiap amanah dan tanggungjawab yang diutuskan itu pasti sesuai dengan potensi diri sendiri. Saya percaya dengan petikan kata mutiara, 'the right person, at the right place, in the right time'. Jadi, saya teruskan melangkah dan sentiasa belajar untuk memperbaiki serta menambah baik keupayaan diri terutamanya dari segi aspek kepimpinan dan pengurusan organisasi. Bermula dengan kisah inilah, yang membuatkan saya menemui minat dan jiwa kepimpinan saya yang sebenar.

BERSANGKA BAIK DENGAN ATURANNYA

Saya bersyukur kerana seumur hidup yang saya jalani, tidak pernah sekalipun saya beranggapan bahawa perkara buruk atau masalah-masalah yang pernah saya lalui sebelum ini sebagai cerita mahupun pengalaman pahit dalam hidup. Saya sentiasa yakin dan percaya bahawa kita mesti sentiasa bersangka baik dengan Allah. Apapun ujian atau rintangan yang kita terima, teruskan berjalan dan melangkah maju

ke hadapan. Boleh menoleh ke belakang, tapi cukuplah jadikan kisah itu sebagai pengajaran dan pengalaman untuk kita terus perbaiki dan tingkatkan kemajuan dalam diri. Fokus untuk jadi lebih baik dan berjaya pada masa akan datang. Saya akui, sebagai manusia biasa memang kita akan lalui fasa terberat dalam hidup. Misalnya, kita mungkin pernah kehilangan orang tersayang sama ada keluarga, rakan-rakan, pasangan atau kenalan yang pernah kita ukir cerita bersama. Namun, janganlah sesekali jadikan alasan itu sebagai penyebab untuk kita putus asa dengan kehidupan. Bagi saya, tiada masalah kalau kita ada masalah, tapi akan jadi masalah, bila kita yang bermasalah. Cuba renung-renungkan dan fahami maksud ayat itu.

PERJALANAN BERSAMA MPP

Permulaan saya dalam Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) ini sebenarnya ada kesinambungan dengan perjalanan saya sebagai seorang Majlis Mahasiswa Kolej (MMK) sebelum ini. Kalau dulu, saya pernah menyandang jawatan sebagai Yang Dipertua MMK bagi Kolej Awang Had Salleh, jadi saya ingin meneruskan lagi minat dalam bidang kepimpinan ini bersama dengan organisasi utama di universiti kerana saya tertarik untuk bersama-sama dengan pihak pengurusan bagi memikirkan strategi, pelan tindakan serta dasar-dasar pengurusan di universiti dalam menjaga kebajikan seluruh mahasiswa. Tugas yang berat, tapi itulah cabaran yang saya mahukan! Jika kita tidak berada di posisi yang tinggi, mungkin

sukar untuk kita melihat kesusahan dan kejerihan orang lain.

Sebagai pemimpin, sudah semestinya kita perlu cakna dan peka dengan semua orang sekeliling. Jadi, itulah yang membuatkan saya mahu menyahut cabaran untuk menceburi bidang kepimpinan utama di universiti ini. Saya bersyukur kerana ada rakan-rakan dan pasukan yang sangat memberikan sokongan serta galakan untuk meneruskan impian ini hingga jayanya. Saya memegang portfolio Timbalan Yang Dipertua MPP UPSI bagi sidang 2022/2023. Kami telah berkhidmat selama tempoh 326 hari bersamaan dengan 10 bulan 23 hari. Pelantikan secara rasminya bermula pada 27 Januari 2023 dan pembubaran rasmi MPP UPSI ialah pada 19 Disember 2023.

CABARAN SEORANG MPP

Sebagai seorang wakil pelajar, saya tidak nafikan sememangnya akan ada cabaran serta ujian yang perlu ditempuhi kerana untuk berjaya itu bukan mudah. Tiada jalan pintas untuk naik ke puncak. Itu istilah yang sentiasa saya sematkan dalam diri. Saya boleh kongsi beberapa cabaran yang pernah dihadapi iaitu, cabaran menguruskan masa kuliah dengan komitmen sebagai MPP. Kadang kala, jadual kuliah bertembung dengan perjumpaan bersama dengan pihak pengurusan UPSI. Adakalanya juga, program MPP padat dan memerlukan penglibatan semua. Jadi, saya perlu bijak membahagikan masa untuk mengatur masa kuliah dan menyiapkan tugas lebih

awal berbanding rakan-rakan yang lain untuk memastikan saya tidak ketinggalan dalam akademik. Tetapi, saya sangat bersyukur kerana mempunyai sahabat-sahabat yang terlalu baik dan selalu membantu saya untuk menguruskan segala tugas dan makluman berkaitan akademik. Saya bertuah kerana ada bersama dengan mereka iaitu kumpulan LOTUS. Seterusnya, cabaran yang lain pula ialah dari segi pengorbanan masa cuti, waktu pulang bersama keluarga dan selebihnya alhamdulillah saya anggap sebagai pengorbanan yang berbaloi.

SOKONGAN BUAT DIRI LEBIH KUAT

Saya bersyukur sepanjang berada dalam kepimpinan bersama MPP UPSI, keluarga, sahabat, rakan-rakan dan warga UPSI yang terdiri daripada para pensyarah, pegawai dan seluruh barisan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JHEPA) banyak memberikan sokongan, dorongan serta galakan kepada saya dan rakan-rakan seperjuangan MPP bagi meneruskan usaha dan perjuangan kami untuk lakukan yang sehabis baik demi menjaga kebajikan mahasiswa dengan sedaya upaya yang termampu kami lakukan.

DUA MANIFESTO JADI TARUHAN

Sebelum terpilih menjadi MPP UPSI, saya merupakan calon MPP Fakulti Pembangunan Manusia (FPM). Jadi, saya bawa dua manifesto untuk warga FPM. Pertamanya, membentuk siswa yang berketerampilan tinggi, bersahsiah terpuji dan bertaraf profesional melalui

pelaksanaan bengkel yang memfokuskan dalam bidang imej korporat, pengucapan awam dan pengurusan organisasi. Pelaksananya masih dalam perancangan untuk menjadikannya sebagai pengisian slot bagi Program Transformasi Minda yang akan datang. Alhamdulillah, cadangan ini juga telah mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) dan dimasukkan dalam Takwim Program Pembangunan Latihan 2024 UPSI selaras dengan landasan YBM Kementerian Pendidikan Tinggi.

Seterusnya, manifesto kedua yang saya bawakan pula ialah melibatkan penyertaan mahasiswa khususnya warga FPM dalam aktiviti kesukarelawanan yang berfokuskan kepada pendidikan serta khidmat sokongan kepada komuniti setempat. Alhamdulillah, saya telahpun berjaya melunaskan manifesto ini melalui Program Bakti Siswa yang diadakan bersama dengan pihak Yayasan Amanah An-Nur Maisarah pada bulan Jun 2023 lalu. Saya teruja dan berpuas hati kerana dapat melihat hasil yang luar biasa selepas program ini dijalankan. Lebih-lebih lagi program ini melibatkan kolaborasi lebih daripada lima persatuan di UPSI. Jadi, lebih mudah untuk badan persatuan yang terlibat ini menjalinkan kolaborasi dan hubungan kerjasama antara satu sama lain.

IDOLA

Jika sebut sahaja idola, sudah semestinya saya menjadikan kedua ibu bapa saya sebagai idola, terutamanya saya melihat dari segi cara pengurusan

mereka apabila berkaitan dengan soal kerja dan tanggungjawab di rumah. Saya kagum melihat mereka dapat melakukan kerja-kerja dengan begitu efisien dan sistematik, terutamanya ibu saya. Kalau di rumah, tugas-tugas rutin seperti mengemas rumah, memasak, menyediakan makan minum dan mengurus keperluan lain, ibu saya begitu pantas menyiapkannya dalam masa yang sentiasa mengikut rutin hariannya.

Bukan itu sahaja, ibu juga banyak mengajar saya cara untuk melayan ahli keluarga yang lain, kenalan rapat atau jauh, tetamu yang datang berkunjung ke rumah dengan memberikan layanan ramah, mesra dan bersifat terbuka. Jujur saya akui, kemahiran komunikasi saya banyak dipengaruhi oleh kedua ibu bapa saya sendiri. Abah saya pula sangat memberikan sokongan dalam apa jua perkara yang saya lakukan kerana beliau tahu kelebihan dan minat saya. Sejak di bangku sekolah lagi, beliau selalu memberikan sokongan dan galakan kepada saya dan abah jugalah yang menjadi "support system" utama saya selama ini. Istilah 'support system' itu jugalah yang saya praktikkan dalam organisasi MPP pada kali in kerana sokongan antara satu sama lain itulah yang mampu mengeratkan hubungan kami.

TIDAK ANGGAP KRITIKAN SEBAGAI KELEMAHAN

Alhamdulillah, saya bersyukur sepanjang berada dalam kepimpinan MPP, tiada kritikan atau tohmahan yang berat bagi saya. Saya pun tidak pernah menganggap kritikan itu sebagai salah satu sebab yang

membuatkan saya berasa down dan kecewa dengan diri sendiri. Namun, saya banyak meminta nasihat daripada orang terdekat apabila saya berasa sedih ataupun terlalu penat supaya dapat menemui semula kekuatan dan semangat yang ada dalam diri selama ini.

BIJAK BAHAGI MASA

Sebaik sahaja menjadi MPP, saya sedar bahawa masa dan komitmen saya akan berubah 360 darjah berbanding rakan-rakan yang lain. Jadi, saya akan fokus sepenuh masa di kelas untuk mendapatkan segala input berkaitan tugas dan kandungan pelajaran. Selebihnya, setiap tugas sama ada secara individu mahupun berkumpulan pula, saya akan pastikan tugas-tugas tersebut siap awal dan mengikut garis masa yang saya tetapkan. Paling penting, saya memang menyediakan senarai semak tugas dan aktiviti harian secara berkala. Jadual saya terbahagi kepada Senarai Semak Harian dan Senarai Semak Mingguan bagi memastikan setiap perkara yang perlu dilakukan mengikut masa yang sistematik. Jadi, tiada masalah bagi saya menguruskan masa untuk pelajaran dan aktiviti lain terutamanya kegiatan bersama MPP.

Setiap penglibatan yang disertai mahupun pencapaian yang diperolehi, saya yakin dan percaya boleh dijadikan sebagai tauladan dan ikutan kepada rakan-rakan dan mahasiswa yang lain. Saya banyak menerima pesanan daripada kenalan berkaitan setiap penglibatan dan aktiviti yang dilakukan. Mereka seronok,

teruja dan bangga dengan apa yang saya serta rakan-rakan MPP lain telah lakukan. Banyak juga pujian yang diterima dan saya anggap semua itu sebagai salah satu cara untuk menjadi inspirasi atau role-model buat yang lain.

AKTIF DENGAN PELBAGAI AKTIVITI

Buat masa sekarang, saya sedang berusaha untuk melaksanakan perancangan Program Mobiliti dengan salah satu universiti terkemuka di Indonesia. Harapan saya, semoga perancangan ini dapat dijayakan dan mendapat kelulusan oleh pihak pengurusan terlibat untuk saya dan rakan-rakan seperjuangan membawa nama UPSI ke peringkat antarabangsa dengan lebih cemerlang dan jayanya. Insya-Allah, mohon doakan segalanya berjalan dengan lancar. Sekiranya mendapat kelulusan, saya jangkakan projek ini dapat dilangsungkan pada bulan Mac nanti.

FAKTOR MENJADI PEMBAKAR SEMANGAT

Boleh katakan, minat yang ada dalam diri sejak mula-mula bertapak dalam bidang kepimpinan iaitu, ketika saya memegang jawatan dalam organisasi Majlis Mahasiswa Kolej Kediaman semasa pengajian Diploma yang bermula pada tahun 2018 hingga 2020. Saya teruja untuk meneruskan minat dan kebolehan yang ada pada diri dalam bidang kepimpinan kerana bagi saya, apapun kerja yang kita lakukan, sekiranya disertakan dengan niat yang baik dan minat yang tinggi, segalanya akan menjadi mudah

dan kita juga tidak akan cepat putus asa. Kalau kita buat sesuatu tanpa ada minat, susah untuk kita capai tahap yang memuaskan kerana tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Jadi, minat itulah menjadi penyebab utama untuk kita mengukur setiap kejayaan yang ingin dicapai.

Pencapaian tertinggi yang pernah saya capai ialah Anugerah Kepimpinan Sukarelawan kategori Kesejahteraan Komuniti bagi Anugerah Keterampilan Pelajar 2022/2023 yang baru sahaja diperolehi pada bulan Januari ini. Selebihnya, saya pernah menerima Anugerah Pemimpin Wanita Harapan Kolej Kediaman (2019), Anugerah Pilihan Ramai Majlis Mahasiswa Kolej Awang Had Salleh (2019) dan Anugerah Pengarah Cemerlang International Food Festival Anjuran Kolej Kediaman (2018). Saya juga bersyukur kerana sepanjang pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda ini, saya telah menerima Anugerah Dekan setiap semester.

BERANI PIKUL AMANAH

Nasihat saya kepada semua, khususnya buat rakan-rakan, kenalan, mahasiswa UPSI dan para pembaca majalah ini sekalian, apapun jua bidang yang diceburi dan amanah yang diberikan, galaslah dengan sebaik-baiknya. Ingat, tanggungjawab itu merupakan amanah yang sangat besar untuk kita kerana kita akan tanggung di dunia dan jawab di akhirat kelak. Menjadi seseorang pemimpin itu bukan mudah, tapi seseorang yang berani untuk memikul amanah dan tanggungjawab

itulah pemimpin yang sejati. Setiap yang memimpin juga perlu dipimpin. Belajarlah untuk menerima dan bersedia untuk tidak bersedia. Insya-Allah, selangkah yang kita ambil untuk keluar daripada zon selesa, tak akan sesekali kita menyesal selagi apa yang dilakukan itu dapat memberikan manfaat dan berkongsi kebaikan buat semua orang. Teruskan tekad dan azam, mari kita cipta kejayaan untuk dilakarkan bersama.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Saya akan meneruskan minat dan membawa impian selama ini untuk berkhidmat sebagai seorang guru dan berkecimpung juga dalam dunia kepimpinan. Apapun rezekinya nanti, saya anggap itu sebagai tuah dan peluang untuk saya lebih bersinar suatu hari nanti.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga UPSI dapat sama-sama menyumbang khidmat dan bakti untuk terus melakarkan kejayaan cemerlang buat UPSI yang tercinta. Marilah kita melonjakkan lagi nama UPSI di peringkat global dengan lebih jayanya. Buat warga pendidik sekalian, teruskan semangat dan tunaikanlah impian untuk menjadi seorang pendidik yang termahsyur serta disegani ramai kelak. Insya-Allah, moga UPSI terus cemerlang dan bersinar di mata dunia. Saya bangga menjadi Anak Kandung Suluh Budiman!





Panahan Fatin Nurfatehah – ‘Robin Hood’ wanita Malaysia capai pelbagai kejayaan dalam dan luar negara



Oleh
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

PENGENALAN

Keluaran buletin kali ini menampilkan warga UPSI yang terlibat dalam sukan memanah dan pernah mewakili Malaysia hingga ke kejohanan peringkat tertinggi dunia. Fatin Nur Fatehah Mat Salleh yang merupakan anak jadi Sabah, bersekolah rendah dan peringkat juga menengah di negeri kelahirannya, Sabah. Beliau pernah menerima tawaran untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah sukan di Semenanjung semasa di tingkatan 1 dan tingkatan 3. Dilahirkan dalam keluarga

kecil seramai tiga beradik, Fatin merupakan anak sulung dan mempunyai seorang adik lelaki dan paling bongsu perempuan. Dibesarkan dalam keluarga yang agak senang kerana ibunya yang berasal dari Tuaran merupakan pensyarah di Kolej Yayasan Sabah. Manakala bapanya pula yang juga berasal dari papar bertugas sebagai pensyarah di Universiti Malaysia Sabah.

Semasa kecil Fatin dibesarkan di Amerika Syarikat (AS) kerana mengikut ayahnya yang menyambung pelajaran di peringkat PhD. Pada awalnya iaitu semasa berusia 6 tahun beliau berminat menceburi sukan golf kerana mengikut ayahnya yang sering bermain

golf bersama rakan-rakannya semasa belajar di AS.

PENDIDIKAN

Walaupun dilahirkan dalam keluarga pendidik, kedua ibu bapanya tidak begitu menggalakkan Fatin untuk terlibat sama dalam kerjaya yang berkaitan bidang pendidikan. Fatin juga pada mulanya berminat dalam bidang kejuruteraan, kemudian ke bidang perakaunan dan akhirnya membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang sains sukan. Sekalipun sibuk terlibat dalam bidang sukan memanah, Fatin tidak melupakan hasrat kedua ibu bapanya untuk melihatnya melanjutkan pelajaran ke peringkat





yang lebih tinggi sebagai jaminan masa hadapannya. Selepas menamatkan pelajaran di peringkat sekolah menengah, beliau melanjutkan pelajaran dalam kursus Sains Sukan di UiTM Jengka pada tahun 2009. Kemudiannya menyambung pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di tempat yang sama. Tanpa membuang masa Fatin kemudiannya meneruskan pengajiannya di peringkat sarjana di Universiti Sains Malaysia (USM) dan kini sedang menyiapkan pengajian PhDnya di UPSI.

PENGLIBATAN AWAL DALAM SUKAN MEMANAH

Ketika berusia 10 tahun, ibunya mencadangkan untuknya mengikuti latihan memanah di luar sekolah, kerana sukan memanah tiada kemudahan di sekolahnya. Walaupun Fatin memang memiliki minat dalam memanah, beliau tidak berasa terlalu teruja pada masa itu. Selepas itu Fatin mula terlibat dalam latihan dan pertandingan secara serius, namun semangatnya terhadap sukan ini pada mulanya agak sederhana. Walau begitu, peluang yang diberikan oleh ibunya menjadi titik tolak yang penting dalam perjalanan sukan memanah.

Pada usia 11 tahun, Fatin berpeluang mewakili Sabah dalam pertandingan Open Circuit Memanah bawah

15 tahun. Penyertaannya dalam pertandingan buat kali pertama tidak berjaya meraih kemenangan. Kekalahan tersebut tidak mematahkan semangat sebaliknya, ia mendorongnya untuk berlatih lebih gigih. Setahun kemudian, hasil usaha berterusan Fatin berjaya menuai hasil dengan mencipta kemenangan dalam pertandingan yang sama dan melaluinya telah memberi peluang kepadanya bertanding ke kejohanan-kejohanan di Semenanjung Malaysia. Pengalaman ini amat mengujakan kerana ia membolehkan Fatin melawat tempat baru dan bertemu dengan rakan-rakan dalam sukan ini. Pada tahun berikutnya, Fatin berjaya memenangi pingat perak dalam kategori bawah 15 tahun. Kemenangan ini memberi dorongan baru kepada beliau dalam sukan memanah. Fatin mula merasakan minat dan kecintaan yang mendalam terhadap sukan ini. Pingat perak itu bukan sahaja menjadi kebanggaan tetapi juga pembakar semangat untuk terus maju dalam bidang ini. Sepanjang zaman sekolah, dia aktif dalam beberapa sukan termasuk olahraga, bola keranjang, dan bola sepak. Latihan memanah hanya dilakukan hanya pada hujung minggu semasa cuti sekolah.

Pada peringkat sekolah ini, walaupun mempunyai

jurulatih, mereka adalah sukarelawan dan bukannya jurulatih sepenuh masa. Walau bagaimanapun, sokongan dan bimbingan mereka merupakan sesuatu yang amat berharga. Kejayaan dan pengalaman yang diperolehi melalui sukan memanah tidak hanya memberikan kemenangan di atas gelanggang, tetapi juga membentuk karakter dan keyakinan diri saya.

Pada tahun 2006, Fatin menyertai buat pertama kali di kejohanan SUKMA di Kedah. Fatin juga memutuskan untuk menumpukan perhatian sepenuhnya dalam sukan memanah, meninggalkan sukan-sukan lain. Ini merupakan kali pertama beliau serius dalam memanah tanpa melibatkan sukan lain. Walau bagaimanapun, semasa Tingkatan 3, beliau terpaksa menarik diri dari SUKMA akibat *slip disc*. Walaupun mengalami masalah kesihatan, beliau tetap bermain dalam MSSM pada hujung tahun tetapi hanya sekadar untuk melengkapkan pasukan.

Perubahan dari memanah *recurve* ke *compound* semasa tingkatan 5 memberikan cabaran tambahan. Kecederaan yang dialaminya turut menyukarkan perubahan ini. Walau bagaimanapun, dia terus berusaha dan kembali

berlatih pada hujung tahun walaupun menghadapi kesukaran dengan kecederaan tersebut.

Semasa di UiTM

Jengka, beliau semakin mengembangkan bakatnya dalam sukan memanah kerana mendapat bimbingan dari jurulatih Mon Redee yang pernah mewakili negara di kejohanan tertinggi iaitu sukan Olimpik. Pada masa itu Mon Redee merupakan jurulatih yang dilantik UiTM. Pada masa yang sama Fatin merupakan atlet memanah negara yang dibenarkan berlatih diluar kem latihan kerana melanjutkan pelajaran. Jarak tempat latihan yang dekat sekitar 5 minit berjalan kaki dari kolej kediamannya memberikan beliau semangat tambahan untuk terus fokus terhadap sukan ini iaitu dari tahun 2009 hingga 2014.

Dalam sukan, politik sering kali mempengaruhi perkembangan dan pengurusan acara, namun Fatin tidak menghadapi masalah ini secara langsung. Fatin terus maju dan memperluaskan pengalamannya dan pengetahuannya dalam sukan memanah tanpa terjejas oleh isu-isu politik yang mungkin timbul. Dia kekal aktif dalam sukan tersebut, menunjukkan dedikasi dan komitmen yang tinggi terhadap bidangnya. Sepanjang penglibatannya dalam sukan ini beliau berpeluang untuk bersaing

dan berlatih di hampir semua benua kecuali di benua Afrika.

IMBUHAN

Dalam dunia sukan memanah, insentif kewangan sangat sedikit, terutamanya pada di kejohanan peringkat tempatan. Kebanyakan kejohanan hanya memberi hanya pengiktirafan berbentuk medal tanpa sebarang ganjaran wang. Ini disebabkan sukan ini kurang mendapat tajaan daripada syarikat-syarikat korporat. Hanya kejohan di peringkat dunia, sekiranya melepasi pusingan suku akhir, peserta akan menerima bayaran yang dikumpulkan pada hujung tahun. Sukan memanah merupakan sukan yang memerlukan perbelanjaan tinggi, dengan kos peralatan mencecah RM15,000 bagi satu set alat memanah. Keterbatasan kewangan ini menjadikannya sukar untuk dijadikan kerjaya utama, dan ia juga membataskan penyertaan dari atlet yang kurang berkemampuan.

Untuk menjadikan kerjaya dalam sukan memanah memang ada, tetapi sangat terhad. Bidang kejurulatihan lebih terjamin berbanding sebagai pemain. Gaji jurulatih selalunya mengikuti kadar yang ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara (MSN). Namun, bekalan alat seperti anak panah hanya disediakan oleh MSN, manakala peralatan lain adalah tanggungjawab

individu atau persatuan negeri. Walaupun sukan memanah memerlukan kos yang tinggi dan tidak menjanjikan pulangan kewangan yang lumayan, ia tetap menawarkan peluang dalam bentuk biasiswa sukan. Contohnya atlet yang terpilih mewakili negeri di kejohanan SUKMA, membolehkan atlet berbakat mendapatkan sokongan berbentuk biasiswa (kewangan) untuk melanjutkan pelajaran dan kerjaya sukan mereka.

Fatin, secara peribadi memberi galakan untuk sesiapa yang ingin melibatkan diri dalam sukan ini. Dengan adanya peluang seperti biasiswa sukan bagi atlet SUKMA dan peluang untuk mewakili Malaysia di peringkat universiti atau universiade, atlet muda mempunyai platform untuk mengembangkan bakat mereka. Walaupun tidak mempunyai peralatan sendiri, persatuan negeri akan menyediakan bekalan sehingga usia 21 tahun, memberi peluang kepada atlet untuk terus bersaing pada peringkat negeri dan lebih tinggi. Ini memberikan harapan kepada pemain muda untuk terus berusaha dan mungkin mencapai kejayaan di peringkat Olimpik suatu hari nanti.

HARAPAN

Setiap disiplin sukan pasti menghadapi cabaran yang tersendiri, cabaran utama


yang dihadapi dalam pembangunan atlet sukan ini ialah memerlukan pelaburan yang besar dalam peralatan dan fasiliti. Sukan ini memerlukan komitmen yang tinggi, termasuk kos yang signifikan untuk peralatan dan kemudahan, serta memerlukan bantuan kewangan dari pihak-pihak berkepentingan kepada atlet yang menyertai pertandingan. Faktor pengorbanan masa juga perlu diambil kira. Setiap kejohanan yang berlangsung akan mengambil masa antara empat ke lima hari.

Nasihat terbaik untuk atlet memanah adalah dengan tidak mengabaikan pendidikan walaupun mereka aktif dalam sukan. Pastiya melalui pendidikan yang baik memberikan jaminan masa depan yang lebih stabil dan memberi lebih banyak peluang. Sekiranya berpeluang melanjutkan pelajaran serta latihan di luar negara ia boleh memberikan kelebihan tambahan, kerana persekitaran yang lebih terbuka dan persaingan yang lebih sihat serta sengit dapat memacu kemajuan dan kecemerlangan dalam sukan. Harapan saya agar UPSI boleh menjadi pusat kecemerlangan dalam sukan memanah, terutamanya melalui program dalam kejohanan SUKMA, di mana pelajar yang melanjutkan pelajaran di UPSI mendapat sokongan penuh dari pihak pengurusan.



PENCAPAIAN Fatim Nurfatehah Mat Salleh

BIL	KEJOHANAN/ PROGRAM	KEDUDUKAN
1	Archery World Cup, Stage 1, 2015	Emas, Team Event
2	Archery World Cup, Team Event, 2015	Gangsa
3	Anugerah Olahragawati Terbaik Sabah 2013/14, 2015/16 dan 2017/2018	Juara
4	Sukan SEA, acara berpasukan 2017	Emas
5	Sukan SEA, acara berpasukan Campuran, 2017	Emas
6	Archery Asia Cup World Ranking, Individu 2018	Ke-4
7	Archery Asia Cup World Ranking, Berpasukan 2018	Ke-8
8	Piala Dunia Memanah, 2023, Peringkat 4	Pecah Rekod Kebangsaan
9	World Archery University Championship, 2016	Gangsa Mixed-Team
10	Asia Cup Stage 1, 2016	Emas berpasukan
11	Asia Cup Stage 2, 2015	Perak, Team Gangsa, Individu
12	Sukan SEA Singapura, 2015	3 emas



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
الجامعة السلفية للتعليم
سليمان العيسى

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ■ KELUARAN 4/2024 BIL. 20
Inspirasi